

# UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN – KEMPEN JomPAY UTAR

## TERMA & SYARAT

Berikut merupakan Terma dan Syarat Kempen JomPAY UTAR ("Terma dan Syarat"):-

## TEMPOH KEMPEN

"Kempen JomPAY UTAR" ("Kempen") yang dianjurkan oleh UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR) akan berlangsung dari **28 October 2019 00:00:00 hingga 28 November 2019 16:59:59** ("Tempoh Kempen"). Dengan menyertai kempen ini, peserta bersetuju dan menerima segala terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak UTAR.

## KELAYAKAN

- 1) Tertakluk kepada Terma dan Syarat, Kempen ini terbuka hanya kepada ahli UTAR yang mesti: -
  - a) mempunyai akaun bank peribadi yang sah dibuka di Malaysia; dan
  - b) membuat UTAR pembayaran pelajar melalui JomPAY, (sama ada menerusi ATM atau secara dalam talian dengan menggunakan sistem Kod Biller UTAR yang disediakan oleh Pengendali Skim JomPAY (yang ditakrifkan selepas ini) dalam tempoh Kempen ("Transaksi Layak")

Pelajar yang mematuhi syarat tersebut di atas selepas dari ini ditakrifkan sebagai "Peserta yang Layak".

- 2) Transaksi berikut TIDAK dianggap sebagai Transaksi yang Layak dan tidak akan dipilih untuk penyertaan dalam KEMPEN ini:-
  - a) Transaksi yang kemudiannya dibatalkan atau dibayar balik termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang dibatalkan oleh UTAR, pihak Bank di mana transaksi JomPAY dilakukan , atau Payments Network Malaysia Sdn Bhd ("Pengendali Skim JomPAY ") atas apa jua sebab; atau
  - b) Transaksi yang dipertikaikan

Transaksi yang Layak yang mematuhi perkara (1) tersebut di atas tidak dikelaskan di bawah perkara (2) akan dipilih secara otomatis untuk menyertai Kempen ini.

## KAEDAH KEMPEN

### BAHAGIAN A: KELAYAKAN MENYERTAI KEMPEN

- 1) Hanya pelajar UTAR yang menyempurnakan Transaksi Layak dan memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini adalah berkelayakan untuk tersenarai sebagai Peserta yang Layak.
- 2) Walau apapun yang disebutkan di atas, UTAR mempunyai hak/budi bicara sepenuhnya bagi menentukan Peserta yang Layak/Pemenang dan semua keputusan yang dibuat oleh UTAR adalah muktamad dan mengikat.

### BAHAGIAN B: HADIAH

Kategori Hadiah	Perihal Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	RM1,000.00 Tunai*	1
Hadiah Saguhati	RM500.00 Tunai*	6
	RM500.00 Baucar Sen Heng	8

\* Tunai akan dikreditkan terus ke dalam akaun Pemenang yang didaftarkan dengan UTAR.

- a. Setiap Peserta yang Layak hanya berkelayakan untuk menang satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- b. Melainkan dinyatakan sebaliknya, tiada permohonan dibenarkan untuk penukaran, penggantian atau pengubah suai terhadap Hadiah oleh Pemenang.

## **BAHAGIAN C: PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN CABUTAN DAN TUNTUTAN HADIAH**

- 3) Pemenang bagi setiap kategori akan ditentukan oleh UTAR melalui cabutan secara rawak dengan cara mengikut budi bicara UTAR ("Pemenang"). Peserta yang Layak dipilih akan dimaklumkan tentang Pemenang Hadiah untuk Kempen ini melalui laman web UTAR pada 13 Disember 2019.
- 4) Hadiah tunai akan dikreditkan kepada Pemenang akaun pinjaman pada 31 Disember 2019. Segala kos dan belanja yang tertanggung atau akan ditanggung untuk pungutan, penebusan atau penghantaran Hadiah hendaklah dibayar sepenuhnya oleh Pemenang.
- 5) Pemenang akan menanggung liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan, kerugian atau tuntutan akibat daripada penyertaan di dalam Kempen ini. penggunaan hadiah kempen atau penuntutan Hadiah. UTAR tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kerugian, kerosakan, tuntutan yang dialami dalam sebarang situasi oleh pihak ketiga atau Peserta, semasa dan/atau selepas Tempoh Kempen.
- 6) UTAR mempunyai hak untuk meminta sebarang dokumentasi atau bukti bertulis bagi pengesahan pengenalan diri untuk mengenal pasti Pemenang sebelum pemberian Hadiah. Hadiah akan dibatalkan jika Pemenang gagal untuk menyempurnakan dan lulus dalam proses pengesahan pengenalan diri yang tersebut atau jika dokumen pengesahan yang disediakan adalah berbeza daripada maklumat yang diberikan kepada UTAR.
- 7) UTAR mengikut budi bicara mutlak berhak untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang tidak layak atau hilang kelayakan untuk apa jua sebab sekalipun dengan Pemenang yang lain tanpa memberi apaja alasan.
- 8) Semua hadiah tidak boleh dipindahmilik atau ditukar untuk wang tunai atau persamaan tunai.
- 9) Jikalau Pemenang gagal menuntut hadiah pada 15 Januari 2020, UTAR akan mengagih Hadiah Utama atau Hadiah Saguhati kepada Pemenang yang seterusnya.

## **UMUM TERMA & SYARAT**

- 1) Jika atas apa-apa sebab Kempen ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad kepada) penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan; UTAR berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Kempen ini.
- 2) Hanya UTAR pihak yang bertanggungjawab ke atas segala Hadiah yang disediakan, penganjuran,pelaksanaan dan segala yang berkaitan dengan Kempen ini. Apa-apa pertanyaan yang berkaitan dengan Kempen ini hendaklah dimajukan secara terus kepada UTAR.
- 3) UTAR tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa jua liabiliti yang dialami oleh Peserta yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung berbangkit daripada Kempen ini. Semua keputusan yang dibuat oleh UTAR berhubung Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada Terma dan Syarat, Kaedah Kempen, senarai pendek, pemilihan Pemenang dan/atau pelucutan hak kepada Hadiah adalah muktamad dan mengikat.
- 4) UTAR mempunyai hak untuk menukar, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini atau mana-mana bahagian daripadanya. Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau sebarang bentuk lain akan diberikan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta akibat daripada perkara yang disebutkan di atas.
- 5) Dengan menyempurnakan Transaksi yang Layak dan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju dan terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
- 6) Dengan menyempurnakan Transaksi yang Layak dan menyertai kempen ini, Peserta yang Layak/Pemenang memberi kebenaran dan kuasa kepada UTAR untuk mendedahkan atau menguna butiran Peserta yang Layak /Pemenang dan/atau butiran tentang atau berkaitan dengan Peserta yang Layak, Transaksi yang Layak atau Kempen ini kepada mana-mana pihak yang berkenaan termasuk tetapi tidak terhad kepada bank-bank di mana transaksi JomPAY dijalankan atau Pengendali Skim JomPAY untuk tujuan menjalankan Kempen ini termasuk pengumuman pemenang melalui dan di dalam laman web UTAR dan untuk tujuan-tujuan lain yang wajar dan perlu oleh UTAR.
- 7) Pemberi Platform JomPAY atau UTAR tidak akan bertanggungjawab atas borang penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, salah tafsir atau yang tidak dapat dihantar, maklum balas, atau surat-menyurat lain semasa Tempoh Kempen, sama ada oleh Pengendali Skim JomPAY atau sebaliknya .

- 8) Pengendali Skim JomPAY dan/atau UTAR tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kemungkinan yang diakibatkan oleh bencana alam, perperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa kejadian di luar kawalan munasabah UTAR dan/atau Pengendali JomPAY.
- 9) Penolak Tuntutan: SETAKAT YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, DALAM APA JUA KEADAAN PUNPEMBEKAL PERKHIDMATAN JOMPAY DAN/ATAU UTAR TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PESERTA YANG LAYAK/PEMENANG BAGI APA-APA KERUGIAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, TELADAN, PUNITIF ATAU BERBANGKIT (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN PESERTA YANG LAYAK/PEMENANG DALAM KEMPENINI, SAMA ADA LIABILITI SEDEMIKIAN TIMBUL DARIPADA MANA-MANA TUNTUTAN BERDASARKAN KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA ATAU TIDAK UTAR DAN/ATAU PEMBEKAL PERKHIDMATAN JOMPAY TELAH DIMAKLUMKAN MENGENAI KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU GANTI RUGI TERSEBUT.
- 10) Kata-kata yang menandakan singular adalah termasuk plural dan sebaliknya.
- 11) Sekiranya berlaku percanggahan antara Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.
- 12) Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 13) Sebarang terma atau syarat di sini yang tidak sah di sisi undang-undang, batal atau dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan tidak akan membatalkan atau menjadikan terma atau syarat lain Kempen ini tidak sah.

(TAMAT)